PERKEMBANGAN PADA SUKU PERTAMA 2015

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA

Ekonomi global berkembang sederhana

Aktiviti ekonomi global berkembang dengan momentum pertumbuhan yang berbeza-beza merentas ekonomi pada suku pertama 2015. Meskipun ekonomi Amerika Syarikat (AS) mencatat peningkatan yang lebih meluas, pemulihan ekonomi di kawasan euro dan Jepun adalah pada kadar yang lebih beransur-ansur. Di Asia, pertumbuhan disokong oleh permintaan dalam negeri yang terus meningkat.

Kebanyakan pasaran ekuiti utama dan serantau mencatat prestasi lebih tinggi pada akhir suku pertama. Pasaran ekuiti global pada awalnya merosot pada separuh pertama suku apabila sentimen pasaran terjejas akibat kejatuhan harga minyak yang mendadak, semakan ke bawah unjuran pertumbuhan global oleh IMF dan Bank Dunia, serta ketidakpastian terhadap hasil rundingan berhubung dengan hutang Greece. Walaupun begitu, kebanyakan pasaran ekuiti menunjukkan trend menaik sejak bulan Februari dan seterusnya, yang lebih daripada mengimbangi kemerosotan yang dialami pada peringkat awal. Ini disokong oleh tindakan dasar oleh beberapa ekonomi utama, iaitu pelaksanaan program pembelian aset yang lebih besar oleh European Central Bank (ECB) serta pengumuman langkah pelonggaran dasar monetari oleh People's Bank of China (PBOC), yang telah menaikkan sentimen pasaran.

Ekonomi AS berkembang pada kadar tahunan yang lebih cepat sebanyak 3.0% pada suku pertama (S4 2014: 2.4%). Walau bagaimanapun, pada asas tahunan yang terlaras secara bermusim, pertumbuhan menjadi sederhana kepada 0.2% (S4 2014: 2.2%). Aktiviti penggunaan swasta bertambah baik pada suku pertama, hasil daripada harga minyak yang lebih rendah, keadaan pasaran pekerja yang lebih kukuh dan kedudukan kewangan isi rumah yang bertambah baik. Namun begitu, pertumbuhan pada suku pertama terjejas oleh faktor sementara termasuk keadaan musim sejuk yang teruk dan pelabuhan yang sesak. Pertumbuhan pelaburan tetap menjadi sederhana apabila peningkatan perbelanjaan modal bukan kediaman yang lebih perlahan lebih daripada mengimbangi pertumbuhan pelaburan kediaman yang lebih cepat. Inflasi bertukar negatif (-0.1%; S4 2014: 1.2%), dalam keadaan harga minyak yang lebih rendah.

Aktiviti ekonomi di kawasan euro mencatat peningkatan yang beransur-ansur pada suku pertama 2015 (1.0%; S4 2014: 0.9%). Keadaan permintaan keseluruhan disokong oleh harga minyak yang lebih rendah, dasar monetari yang akomodatif dan penyusutan nilai euro yang berterusan. Sentimen perniagaan dan pengguna juga bertambah baik, dengan PMI (Purchasing Managers' Index) perkilangan meningkat kepada 51.4 pada suku pertama (S4 2014: 50.4). Namun begitu, ekonomi kawasan euro mengalami deflasi (-0.3%; S4 2014: 0.2%) disebabkan terutamanya oleh harga minyak yang lebih rendah.

Ekonomi UK terus berkembang pada suku pertama, meskipun pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 2.4% (S4 2014: 3.0%). Pertumbuhan didorong terutamanya oleh sektor perkhidmatan, khususnya subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi. Kadar inflasi menurun kepada 0.1% pada suku pertama (S4 2014: 0.9%), berikutan harga makanan dan pengangkutan yang lebih rendah.

Aktiviti ekonomi di Jepun kekal lemah. Jualan runcit mencatat kemerosotan yang menyeluruh pada suku pertama (-4.8%; S4 2014: 0.6%) berikutan penggunaan isi rumah yang lebih rendah. Sentimen perniagaan, bagaimanapun, mampan seperti dicerminkan oleh indeks kaji selidik Tankan bagi pengilang-pengilang besar yang tidak berubah pada suku tersebut. Di sektor luaran, pertumbuhan eksport kekal pada 9.1% pada suku pertama (S4 2014: 9.1%) dalam keadaan penyusutan nilai yen yang berterusan. Inflasi (tidak termasuk makanan

segar) terus sederhana (2.1%; S4 2014: 2.7%) disebabkan oleh kos utiliti, perabot, pengangkutan dan komunikasi, serta rekreasi yang lebih rendah. Inflasi (tidak termasuk makanan dan tenaga) kekal pada 2.1% (S4 2014: 2.1%).

Ekonomi Maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2014			2015
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
AS	1.9	2.4	2.4	3.0[a]
UK	2.7	3.0	2.8	2.4[p]
Kawasan euro	1.1	0.9	0.9	1.0[p]

[a] Anggaran awal
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

Kebanyakan bank pusat ekonomi maju terus mengekalkan pendirian dasar monetari yang akomodatif, meskipun wujud trend yang berbeza-beza dalam hala tuju dasar monetari merentas ekonomi. Di AS, Federal Reserve membuat penilaian bahawa *'kenaikan sasaran bagi kadar dana federal dijangka lebih wajar lewat tahun ini'*[1] berikutan kelemahan dalam pasaran pekerja yang telah berkurang. Susulan kejatuhan harga minyak pada bulan Januari, Fed menurunkan unjuran inflasinya bagi tahun 2015 kepada 0.6% - 0.8% pada bulan Mac 2015 (unjuran bulan Disember 2014: 1.0% - 1.6%). Sebaliknya, terdapat beberapa bank pusat yang meningkatkan akomodasi monetari dalam keadaan inflasi yang lebih rendah dan kebimbangan yang meningkat terhadap pertumbuhan. Pada bulan Januari 2015, ECB memulakan program pembelian asetnya sebanyak EUR60 bilion (kira-kira USD70.9 bilion) setiap bulan antara bulan Mac 2015 sehingga sekurang-kurangnya bulan September 2016, yang meliputi pembelian bon terbitan kerajaan kawasan euro, agensi dan institusi Eropah. Bank of Japan juga meneruskan pembelian aset tahunannya sebanyak JPY80 trilion (kira-kira USD670 bilion) dalam keadaan kebimbangan yang berterusan terhadap disinflasi. Pada masa yang sama, Swiss National Bank (SNB) dan Bank of Canada mengurangkan kadar dasar utama mereka sebanyak 50 dan 25 mata asas, masing-masing kepada -0.75% dan 0.75%. Pada 15 Januari, SNB juga menghentikan kadar pertukaran minimum CHF1.20 bagi setiap euro berikutan perbezaan yang lebih nyata antara dasar monetari di AS dengan kawasan euro. Pada bulan Februari dan Mei, Reserve Bank of Australia menurunkan kadar faedah utamanya sebanyak 25 mata asas setiap kali kepada 2.0%, manakala Danmarks Nationalbank (Danish National Bank) mengurangkan kadar dasarnya sebanyak empat kali sehingga jumlah kumulatif 70 mata asas kepada -0.75% pada dua bulan pertama tahun 2015. Sveriges Riksbank (Swedish National Bank) juga mengurangkan kadar dasarnya sebanyak 25 mata asas secara kumulatif kepada-0.25% pada bulan Februari dan Mac.

Di RR China, pertumbuhan ekonomi menjadi sederhana kepada 7.0% pada suku pertama 2015 (S4 2014: 7.3%). Dari segi industri, pertumbuhan yang mampan dalam sektor peringkat ketiga (perkhidmatan) telah diimbangi oleh pertumbuhan lebih perlahan dalam industri utama (pertanian) dan sekunder (perkilangan dan pembinaan). Pada bulan Mac 2015, kerajaan China juga secara rasmi mengumumkan sasaran pertumbuhan yang lebih rendah, '*sekitar 7.0%*'[2] bagi tahun 2015. Sehubungan dengan itu, pembuat dasar terus menyokong aktiviti ekonomi pada suku pertama dengan pelaksanaan projek infrastruktur yang lebih cepat, langkah rangsangan monetari dan pelonggaran sekatan terhadap pasaran harta tanah. Inflasi menjadi sederhana kepada 1.2% (S4 2014: 1.5%) dalam keadaan kos pengangkutan dan perumahan yang lebih rendah.

Di Asia, pertumbuhan berterusan walaupun pada kadar yang lebih sederhana dalam kebanyakan ekonomi. Ekonomi China Taipei terus berkembang pada suku pertama (3.5%; S4 2014:3.3%) disokong oleh penggunaan swasta yang bertambah baik dan pertumbuhan eksport yang mampan. Singapura mencatat

[1] Ucapan Janet Yellen bertajuk 'The New Monetary Policy' di Persidangan Penyelidikan pada 27 Mac 2015.
[2] Laporan rancangan pembangunan ekonomi dan sosial RR China di laman sesawang The National People's Congress of PR China.

pertumbuhan mampan pada suku pertama (2.1%; S4 2014: 2.1%), disokong oleh pertumbuhan berterusan dalam industri pembinaan dan perkhidmatan. Di Korea, pertumbuhan menjadi sederhana sedikit kepada 2.4% (S4 2014: 2.7%) apabila penggunaan dan pelaburan swasta yang bertambah baik telah diimbangi oleh permintaan luar negeri yang lebih lembap. Aktiviti ekonomi di Indonesia meningkat lebih perlahan pada kadar 4.7% (S4 2014: 5.0%) apabila pertumbuhan penggunaan swasta dan perbelanjaan kerajaan yang lebih rendah telah mengatasi peningkatan pelaburan dan eksport bersih.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2014			2015
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
RR China	7.4	7.3	7.4	7.0
Indonesia	5.1	5.0	5.0	4.7
Singapura	4.6	2.1[d]	2.9[d]	2.1[a]
Korea	3.9	2.7	3.3	2.4[a]
China Taipei	3.4	3.3[d]	3.7[d]	3.5[a]

[a] Anggaran awal
[d] Disemak

Sumber: Pihak berkuasa negara

Inflasi menjadi sederhana dalam kebanyakan ekonomi Asia, dengan Thailand, Singapura dan China Taipei mengalami deflasi. Penyederhanaan ini mencerminkan terutamanya kejatuhan harga minyak dan kesan sampingannya yang telah mengurangkan kos makanan, utiliti dan pengangkutan. Sebaliknya, inflasi di Indonesia kekal tinggi akibat kenaikan harga bahan api selepas pelaksanaan pembaharuan subsidi.

Kebanyakan bank pusat serantau meningkatkan tahap akomodasi monetari pada suku pertama. Yang ketara, Monetary Authority of Singapore mengurangkan cerun julat dasar kadar pertukaran efektif nominal S$ pada bulan Januari disebabkan oleh jangkaan inflasi diimport yang lebih rendah berikutan kejatuhan harga minyak yang ketara. Sebagai tindak balas kepada tekanan deflasi dan kebimbangan berterusan mengenai pertumbuhan, Bank of Thailand dan Bank of Korea juga menurunkan kadar dasar masing-masing daripada 2% kepada masing-masing 1.5% dan 1.75%. Bank Indonesia turut menurunkan kadar dasarnya sebanyak 25 mata asas kepada 7.5% apabila bank pusat itu menjangka inflasi akan menurun pada paras terendah daripada sasaran 3-5% untuk akhir tahun 2015. Di India, bank pusat menurunkan kadar repo sebanyak 50 mata asas kepada 7.5% pada bulan Januari dan Mac, berikutan jangkaan bahawa inflasi akan menjadi lebih rendah. Di RR China, PBOC melonggarkan keadaan monetari untuk membantu mengurangkan kos pendanaan institusi kewangan, menurunkan kadar faedah pasaran dan seterusnya kos pembiayaan sektor korporat. Penanda aras satu tahun bagi kadar faedah deposit dan pinjaman di RR China masing-masing diturunkan kepada 2.25% dan 5.1% antara bulan Januari hingga Mei 2015 (Terdahulu: masing-masing 2.75% dan 5.6%). Selain itu, nisbah keperluan rizab bagi institusi kewangan dikurangkan sebanyak 150 mata asas pada bulan Februari dan April untuk menyokong pemberian pinjaman kepada perusahaan kecil dan mikro, sektor pertanian dan kawasan luar bandar.

Harga minyak mentah Brent merosot kira-kira 29% kepada purata USD55 setong pada suku pertama (S4 2014: USD77 setong). Kejatuhan harga ini didorong oleh bekalan minyak global yang tinggi, dan sebahagian kecilnya oleh permintaan beberapa ekonomi utama yang lebih perlahan. Dalam keadaan inventori minyak yang meningkat di negara-negara pengguna utama, harga merosot ke paras serendah USD47 setong pada 12 Januari, iaitu paras harga yang kali terakhir pernah dicatat semasa Krisis Kewangan Global. Harga seterusnya menjadi stabil menjelang akhir suku tersebut kepada kira-kira USD55 setong berikutan pengurangan operasi di pelantar minyak AS, yang menunjukkan bahawa pengeluaran minyak shale AS akan berkurang dalam jangka sederhana.

Kebanyakan mata wang utama dan serantau menyusut nilai berbanding dengan dolar AS apabila berakhirnya suku pertama. Penyusutan nilai yang meluas berbanding dengan dolar AS disebabkan terutamanya oleh aktiviti ekonomi AS yang terus bertambah baik, yang

menyokong jangkaan pasaran bahawa dasar monetari akan menjadi lebih wajar mulai separuh kedua tahun 2015. Euro dan yen Jepun juga menyusut nilai berikutan pelaksanaan rangsangan monetari tambahan oleh bank pusat masing-masing. Namun demikian, baht Thailand menambah nilai berbanding dengan dolar AS apabila berakhirnya suku pertama disebabkan oleh ketidakpastian politik yang semakin reda dan kedudukan luaran Thailand yang bertambah baik. Dolar Taiwan juga lebih kukuh di tengah-tengah keyakinan pelabur bahawa kejatuhan harga minyak akan menyokong prospek pertumbuhan negara itu.

Ekonomi global dijangka terus mencatat kadar pertumbuhan yang sederhana pada masa hadapan, tetapi dengan momentum pertumbuhan yang berbeza-beza merentas ekonomi utama. Meskipun harga minyak yang lebih rendah dijangka memberikan kesan yang berbeza-beza terhadap ekonomi, pertumbuhan global secara keseluruhannya dijangka memperoleh manfaat daripada perkembangan ini. Namun begitu, risiko prospek pertumbuhan menjadi lebih perlahan adalah berterusan ekoran kelemahan permintaan dalam negeri yang berpanjangan dan inflasi yang rendah dalam beberapa ekonomi utama, kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan beberapa ekonomi sedang pesat membangun yang merupakan pengeksport komoditi bersih, dan ketegangan geopolitik yang tercetus semula, yang mungkin meningkatkan ketidaktentuan pasaran kewangan.